

PERATURAN PERTANDINGAN BADMINTON

1. AM

Pertandingan ini dinamakan Kejohanan Badminton Penjara Malaysia

2. PENGELOLA

Pertandingan ini dianjurkan oleh Majlis Sukan Penjara Malaysia dan dikelolakan oleh Institusi Penjara yang dipilih mengikut kalendar MSPM

3. PENDAFTARAN

- 3.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua pegawai/anggota/kakitangan yang bertugas di bawah Jabatan Penjara Malaysia.
- 3.2 Setiap pasukan dibenarkan mendaftarkan seramai sembilan (9) orang pemain iaitu tujuh (7) lelaki dan dua (2) wanita termasuk simpanan menggunakan **Borang** yang disediakan.
- 3.3 Pemain yang tidak didaftarkan tidak dibenarkan mengambil bahagian. Sekiranya berlaku sedemikian, penyertaan pasukan tersebut dalam pertandingan ini akan dibatalkan secara automatik. Semua perlawanan sebelumnya yang disertai oleh pasukan tersebut dianggap tidak sah. Jika menang, kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawan.

4. PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

- 4.1 Susunan perlawanan adalah seperti berikut :
 - i. Perlawanan pertama : Bergu Lelaki
 - ii. Perlawanan kedua : Bergu Campuran
 - iii. Perlawanan ketiga : Bergu Veteran Lelaki
- 4.2 Pemain veteran mestilah yang sekurang-kurangnya berumur empat puluh (40) tahun pada **1 Januari 200__**
- 4.3 Setiap pemain dibenarkan bermain satu acara sahaja.
- 4.4 Pasukan akan dibahagikan kepada dua Kumpulan A dan B. Pertandingan akan dijalankan secara liga dalam kumpulan.
- 4.5 Johan dan Naib Johan dalam kumpulan akan layak ke pertandingan separuh akhir. Pertandingan separuh akhir akan dijalankan secara menyalang iaitu Johan akan melawan Naib Johan Kumpulan berlainan.
- 4.6 Perlawanan awal bagi kumpulan, separuh akhir dan akhir dijalankan dalam dua (2) set atau rubberset dalam kiraan lima belas (15) mata.
- 4.7 Bagi perlawanan peringkat awal, perlawanan diteruskan secara tiga (3) perlawanan.
- 4.8 Bagi pertandingan akhir dan separuh akhir permainan set ketiga tidak akan diteruskan jika sesuatu pasukan telah mencapai kemenangan dalam perlawanan awal.
- 4.9 Sebelum pertandingan dimulakan, pengurus hendaklah mengemukakan senarai nama pemain mengikut set yang hendak dipertandingkan kepada urusetia pertandingan dengan menggunakan borang yang disediakan sepuluh (10) minit sebelum perlawanan dimulakan.
- 4.10 Pasukan yang bertanding hendaklah berada di gelanggang sepuluh (10) minit sebelum perlawanan bermula. Kemenangan percuma akan diberikan kepada mana-mana pasukan, jika pasukan lawan gagal berada di gelanggang selepas lima (5) minit dari masa sesuatu perlawanan sepatutnya dimulakan.
- 4.11 Pemain yang ditimpa kecederaan semasa bermain seperti "cramp" dan sebagainya akan diberi masa lima (5) minit untuk mendapatkan rawatan dan tiada masa akan diberikan untuk kecederaan berikutnya. Jika pemain ini tidak dapat meneruskan perlawanan tersebut kemenangan boleh diberikan kepada pihak lawan.
- 4.12 Kejohanan ini akan menggunakan bulu tangkis yang ditetapkan oleh penganjur. Pihak pengelola menghadkan lima (5) bulu tangkis sahaja bagi setiap regu perlawanan dan selebihnya hendaklah disediakan oleh pasukan yang bertanding.
- 4.13 Pertandingan ini tertakluk di bawah Undang-Undang Pertandingan Badminton Antarabangsa (IBF).

4.14 Setiap pasukan dikehendaki menyediakan dua (2) orang penjaga garisan.

5. KIRAAN MATA

5.1 Pemberian mata adalah seperti berikut :-

- a. Menang dua (2) mata, dan kalah kosong (0) mata.
- b. Jika terdapat dua (2) pasukan mempunyai jumlah mata yang sama, pemenangnya ialah pasukan yang telah berjaya mengalahkan pasukan lawannya.
- c. Jika tiga (3) pasukan mempunyai jumlah mata yang sama - pemenangnya akan ditentukan dengan cara ;
 - i. Pasukan yang telah bermain lebih banyak set dalam semua perlawanan yang disertainya
 - sekiranya jumlah set adalah seri maka cara yang berikut akan digunakan bagi menentukan pemenangnya.
 - ii. Pasukan yang telah mengumpul jumlah mata yang tertinggi dalam semua perlawanan yang disertainya.

6. BANTAHAN

Segala bantahan boleh dibuat dengan merujuk kepada **Jawatankuasa Bantahan** yang dilantik oleh pihak penganjur kejohanan ini.